

07/08/2001

Nik Adli sah anggota Kumpulan Mujahidin

Rasid Rahaman; Kamarulzaman Pid LUMUT, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengesahkan Nik Adli Nik Aziz, 34, anak Menteri Besar Kelantan yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kelmarin adalah anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) yang terbabit dalam gerakan untuk menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

Bagaimanapun, katanya, setakat mana pembabit Nik Adli dalam gerakan itu masih belum dapat ditentukan lagi.

"Sebenarnya, anaknya (Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat) terbabit dalam gerakan untuk menjatuhkan kerajaan dengan cara kekerasan. Setakat mana dia terbabit kita belum dapat tentukan.

"Tetapi yang kita tahu dia adalah anggota KMM, sebab itu dia ditahan," katanya kepada pemberita selepas melawat Penang Shipbuilding & Construction Sdn Bhd (PSC)-Naval Dockyard di pangkalan TLDM Lumut, di sini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini mengenai kenyataan Nik Aziz yang mengakui anak lelakinya yang ditahan pihak berkuasa mengikut ISA kelmarin, pernah mengunjungi Afghanistan.

Nik Aziz dilaporkan berkata, anak keempatnya itu berkunjung ke negara itu ketika belajar di Pakistan bagi menyokong perjuangan umat Islam di negara itu menentang pencerobohan tentera Russia.

Katanya, tindakan anaknya itu adalah perkara biasa pada masa itu kerana sudah menjadi kewajipan umat Islam lain dalam menentang penjajahan Russia.

Ditanya sama ada kerajaan akan melakukan pemantauan terhadap sekolah agama di negara ini berikutan pembabit guru agama dalam KMM, beliau berkata kerajaan perlu memberi perhatian kepada semua pihak.

"Kita beri perhatian kepada semua pihak. Seperti seorang daripada yang ditangkap ini kononnya adalah penjual kuih. Dia jual kuih saja, kalau kita tengok dia tidak bersalah sebab jual kuih, tetapi sebenarnya dia terbabit dalam kumpulan ini.

"Ada juga yang belajar macam mana nak buat bom, macam mana nak letup bom. Kita pernah dengar dulu berlaku serangan ke atas balai polis untuk merampas senjata atau letupan bom di beberapa tempat dan ada juga cuba nak rompak bank dan seorang wakil rakyat Barisan Nasional (BN) ditembak mati," katanya.

Mengenai pembabit beberapa anggota tentera dalam kegiatan jenayah, Dr Mahathir berkata anggota tentera turut terdedah kepada hasutan dan ghairah untuk mendapat kekayaan seperti orang lain.

Beliau berkata, kebolehan mereka dalam menangani senjata api turut menyebabkan mereka terpengaruh melakukan jenayah.

"Anggota tentera macam orang lain juga, kalau dia terdedah kepada hasutan atau dia ghairah nak dapat kekayaan bagi dirinya dan berpendapat kebolehannya dalam menangani senjata boleh memberi kejayaan kepadanya, mungkin dia akan cuba, tetapi seperti yang kita tahu, dia tak selamat," katanya.

Beliau berkata, tindakan ibu bapa anggota tentera yang terbabit dalam jenayah memujuk anak mereka menyerah diri adalah satu tindakan yang bertanggungjawab.

"Saya bersyukur kerana ibu bapa anggota tentera ini sanggup memujuk anak mereka untuk menyerah diri, ini adalah satu sikap bertanggungjawab yang perlu kita hargai," katanya.

(END)

